

Kuih Tradisional Pilihan Ramai

Imran ke pasar tani berhampiran dengan rumahnya . Dia mahu membeli kuih tradisional Melayu .

“ Ibu , kita beli kuih bakar di gerai sana . Saya nampak ramai sungguh orang yang sedang berator untuk membeli kuih bakar . Tentu kueh bakar tersebut sedap rasanya,” kata Imran .

“ Baiklah, mari kita ke sana ,” ajak ibunya.

“ Patutlah ramai pelanggan yang beratur ibu . Penjual itu ialah usahawan ternama yang mengusahakan kuih tradisional , Saya ada membaca kisahnya dalam akhbar baru baru ini. jika ibu ingin tahu, Beliau menjual lebih daripada sepuluh jenis kuih tradisional ,” kata Imran,

“Beliau juga seorang yang cekal. Perusahaannya termula dengan sebuah ketuhar yang kecil. Pengeluaran kuihnya terhad. Oleh itu, beliau sentiasa berusaha untuk memajukan perniagaannya. Kini, beliau mampu membeli ketuhar besar dan canggih. Selepas itu, beliau mampu meningkatkan pengeluarannya bekali ganda. Perusahaannya bertambah maju ,” terang Imran kepada ibunya.

“ Wah, bagusnya! Begitulah Imran , kita perlu cekal dan gigih jika ingin berjaya ,” kata ibunya.